



**TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR  
PROGRAM MENTERI BESAR BERSAMA ASKAR (MEKAR)  
ISNIN, 1 OGOS 2022**

1. Saya ingin mulakan dengan merafakkan rasa syukur yang setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT. Kerana sesungguhnya, hanya dengan limpahan rahmat dan keizinan-Nya, kita semua berpeluang untuk berkumpul pada hari ini menjayakan lagi program Menteri Besar Bersama Askar (MEKAR).
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Pahlawan kepada semua yang hadir di majlis hari ini. Sesungguhnya, jasa penglibatan Pasukan Tentera dalam mempertahankan kedaulatan negara amat kami hargai. Bahkan, pasukan tentera turut bertindak sebagai sebahagian daripada barisan hadapan negara ketika negara berhadapan dengan musuh luar biasa iaitu COVID-19. Terima kasih, semua!

3. Saya ingin sekali memanjatkan rasa syukur yang amat mendalam terhadap ruang dan keupayaan yang diberikan oleh-Nya untuk kita semua selama ini, sehingga kita mampu menggerakkan pentadbiran negeri sepanjang tempoh pandemik dan berjaya beralih ke fasa endemik sejak tiga bulan yang lalu.

## **PENGAJARAN COVID-19**

4. Mengambil iktibar daripada COVID-19 yang melanda kita selama lebih dua tahun, wujud satu keperluan untuk kita memastikan agar sebuah pentadbiran yang stabil dan kukuh agar kita sama-sama dapat mengemudi negeri ke jalan pemulihan.
5. Walaupun sudah berada di fasa endemik, kita tidak terlepas dengan impak-impak pasca pandemik yang melanda dunia yang memberi impak kepada Malaysia dan Perak khususnya, seperti krisis rantaian bekalan dunia yang memberi kesan kepada inflasi.
6. Rakyat berdepan dengan kenaikan harga barang serta penurunan kuasa beli. Ini memberi beban tambahan kepada masyarakat malah ada yang perlu 'ikat perut' untuk memastikan perbelanjaan mereka mencukupi.
7. Namun, pengajaran terbesar yang diperoleh melalui COVID-19 adalah kita perlu lebih bersedia menghadapi segala kemungkinan yang boleh berlaku pada masa hadapan. Perak perlu sebuah perancangan yang bukan sahaja strategik, tetapi tidak stagnant dan

boleh disesuaikan dengan cabaran semasa.

8. Oleh itu, sepanjang beberapa bulan yang lalu saya bersama-sama pihak Institut Darul Ridzuan menjalankan pelbagai sesi libat urus dengan pelbagai pihak termasuk Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai tertinggi syarikat berkaitan kerajaan GLC negeri, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan kerajaan, pasukan keselamatan dan agensi untuk membina sebuah pelan hala tuju yang lebih dinamik serta fleksibel bagi menyiapkan kita dengan cabaran yang mendatang.
9. Hasilnya, sebuah pelan jangka masa panjang yang turut mengambil kira suara input rakyat - petani, penternak, pekerja swasta dan kerajaan, peniaga kecil, pemimpin setempat, pasukan keselamatan, anak muda, wanita, serta komuniti orang asli - iaitu Pelan Perak Sejahtera telah kita sempurnakan pelancarannya pada 15 Jun yang lalu.

### **PELAN PERAK SEJAHTERA 2030**

10. Pelan Perak Sejahtera 2030 ini berpaksikan kepada matlamat **Perak Makmur Rakyat Sejahtera** dengan tujuan memacu pembangunan sosioekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik.
11. Perak Sejahtera 2030 ini adalah garapan kepada pelan-pelan sedia ada di peringkat negeri, nasional serta global termasuk rancangan Struktur Negeri Perak 2040, Pelan Pembangunan Amanjaya 2009 - 2020, Pelan Perindustrian Perak (P3), Rancangan

Tempatan Daerah (RTD), Pelan Perak Lestari 2030, Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2021 - 2025, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Perak Sustainable Development Model dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

12. Pelan ini merupakan pemandu arah kepada pembangunan sosioekonomi negeri Perak inklusif, realistik dan boleh capai, terutamanya dalam fasa pasca pandemik dengan tiga sasaran utama iaitu Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi & Sejahtera Politik.

13. Menyedari keperluan untuk kita sentiasa *agile* dan fleksible dalam dunia yang sentiasa berubah, pelan ini memberi fokus kepada enam agenda utama untuk “Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mapan, Inklusif dan Dinamik” iaitu;

- I. Sekuriti Makanan
- II. Memacu Ekonomi Digital
- III. Pembuatan Keputusan Berpacukan Data
- IV. Perak Koridor TVET Malaysia
- V. Perlombongan Lestari dan
- VI. Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri.

**SEJAHTERA**

**POLITIK**

14. Kerajaan negeri sedar akan keperluan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang stabil yang menjadi batu asas kepada pengukuhan sosioekonomi Perak.
15. Perak Sejahtera 2030 akan memberi fokus untuk mewujudkan tadbir urus kerajaan yang cekap, berkesan, cepat dan tepat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Perak.
16. Ini termasuk tadbir urus negeri dalam penyampaian dan pemantauan seperti perolehan hasil dan perbelanjaan awam, perpaduan dan penglibatan awam, perlindungan hak-hak awam, penyediaan pemimpin dan kepemimpinan masa hadapan dan memastikan kecekapan politik masyarakat awam.
17. Kesejahteraan politik ini melibatkan ikhtiar pentadbir awam termasuk pasukan keselamatan seperti tentera, serta kumpulan masyarakat yang lain dalam mewujudkan keselamatan, kesejahteraan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran untuk melindungi rakyat dan negara.
18. Kesejahteraan politik akan meningkatkan tahap keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri seterusnya membawa negeri ke arah mencapai kemajuan yang progresif untuk rakyat.
19. Tadbir urus negeri yang cekap ini juga akan disokong dengan penerimgunaan analitis data raya bagi memastikan kerajaan berfungsi dengan lebih cekap dan efisien untuk memenuhi

keperluan

kesejahteraan

rakyat.

20. Kerajaan akan memanfaatkan data dalam meningkatkan tadbir urus dan membina kepakaran warga negeri Perak. Lima (5) strategi dan pendekatan telah digariskan sebagai panduan kerajaan untuk menjadikan data sebagai pemangkin kesejahteraan, iaitu:

- I. Tadbir Urus Data;
- II. Organisasi Dipacu Data;
- III. Ekonomi Digital Dipacu Data;
- IV. Pembangunan Keupayaan; dan
- V. Pemerksaan Infrastruktur

## **PROGRAM FLAGSHIP**

21. Melalui **program Flagship Ekonomi Digital** yang merupakan salah satu daripada 18 program Flagship yang telah dikenal pasti, Perak Sejahtera 2030 menyasarkan penubuhan;

### **Pusat Kecemerlangan Analitis Data Raya**

22. Projek yang akan diterajui oleh IDR sebagai peneraju utama rangka bagi mewujudkan pusat menganalisis data raya di negeri Perak. Pusat Analitis Data Raya merupakan pusat sains analisis data bagi kegunaan pengurusan, perniagaan dan tadbir urus negeri.

23. Kerajaan Negeri Perak ke arah memaksimumkan potensi data raya untuk data sebagai pemangkin kesejahteraan dan

pembangunan

negeri.

24. Di samping itu, kita juga **menggalakkan penglibatan tentera** dalam komuniti setempat dalam usaha memberi jaminan keselamatan rakyat Perak sebagai keutamaan kita bersama.
25. Bagi tujuan ini, Perak Sejahtera 2030 menggariskan **Flagship PEDULI Orang Asli** sebagai platform untuk mendekati, menyantuni dan membimbing masyarakat orang asli agar tidak terpinggir dari arus perkembangan negeri. Bagi merealisasikan aspirasi ini, program di bawah Flagship ini termasuklah:

**Kampung Angkat**

26. Projek ini dirangka bagi memupuk kepekaan masyarakat terhadap kehidupan orang asli di samping meraikan setiap perbezaan serta mendidik rakyat Perak mengenai cabaran yang dihadapi oleh Orang Asli.
27. Projek yang dirangka untuk melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan masyarakat tanpa mengira latar belakang dalam memperkasa komuniti orang asli. Ini kita membantu komuniti orang asli dengan memberi khidmat bakti dengan berbekalkan ilmu dan kemahiran yang relevan.

**NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH**

28. Di samping itu, kerajaan juga akan terus memfokuskan kepada pembangunan ekonomi secara bersasar mengikut daerah. Isu ketidakseimbangan pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar tidak akan lagi berlaku. Insya-Allah dengan fokus pembangunan ini bagi mewujudkan kesan limpahan ekonomi dan kesejahteraan yang akan dinikmati bersama.
29. Penjenamaan daerah-daerah di negeri Perak dilaksanakan mengikut keistimewaan dan potensi penting dalam memacu pertumbuhan dan membangunkan daerah yang seterusnya menjadi hala tuju dalam melonjakkan pertumbuhan. Potensi yang dimiliki oleh daerah-daerah menjadi penanda aras kepada perancangan pembangunan di peringkat pentadbiran daerah.
30. Dalam rancangan projek berimpak tinggi di daerah-daerah di Perak, kerajaan negeri bercita-cita untuk melihat sebuah pembangunan yang saksama di antara daerah menjelang tahun 2020. Pembangunan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Ipoh atau Taiping, namun sehingga ke pelusuk kampung di negeri ini.
31. Bagi mencapai matlamat ini, Perak Sejahtera 2030 telah menjenamakan semula potensi daerah seperti berikut:
  - I. Daerah Hulu Perak - Mengarusperdanakan Ekonomi Berteraskan Biodiversiti
  - II. Daerah Kerian - Transformasi Jelapang Padi
  - III. Daerah Larut Matang & Selama - Hab IKS Pintar



- IV. Daerah Kinta - Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara
- V. Daerah Perak Tengah - Koridor TVET Malaysia
- VI. Daerah Kuala Kangsar - Pelancongan DiRaja Global
- VII. Daerah Kampar - Ekopelancongan
- VIII. Daerah Manjung - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara
- IX. Daerah Bagan Datuk - Persada Kelapa Dunia
- X. Daerah Hilir Perak - Lembah AgroMakanan
- XI. Daerah Batang Padang - ASEAN Agrotech Distribution Centre
- XII. Daerah Mualim - Hab Inovasi Teknologi Automotif

## **PENUTUP**

32. Realitinya, program MEKAR ini juga merupakan salah satu platform untuk kita mendengar dan memperoleh pandangan daripada barisan keselamatan terutamanya dalam siri perjalanan kita merealisasikan segala yang telah dirancang melalui Perak Sejahtera 2030.
33. Apa yang boleh saya katakan, kerajaan negeri akan terus komited dalam melaksanakan segala program di dalam Perak Sejahtera 2030 bagi memastikan hasil kerja kita sentiasa berada dalam keadaan terbaik. Kita akan sentiasa menyemak dan membuat perubahan mengikut tuntutan dan keperluan bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran dapat dikecapi bersama oleh rakyat.

34. Berkali-kali saya ingatkan Perak Sejahtera bukan karya Saarani Mohamad. Bukan cita-cita saya sebagai Menteri Besar. Bukan juga karya barisan Exco dan jentera pentadbiran. Pelan ini adalah cita-cita kita semua sebagai rakyat Perak yang mahukan sebuah negeri yang makmur dan sejahtera. Ini adalah pelan kita semua.
  
35. Sebelum berakhir, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama, kerja keras serta komitmen yang cemerlang daripada semua kakitangan anggota. Semoga kita akan dapat meneruskan kecemerlangan yang lebih baik pada tahun hadapan, insyaAllah.